

Headline **FRIM mahu jadikan Malaysia pengeluar gaharu terbesar As...**  
 Date **09. Apr 2009** Language **MALAY**  
 Media Title **Berita Harian** Page No **37**  
 Section **Sentral** Article Size **229** cm2  
 Circulation **192917** Frequency **Daily**  
 Readership **1521000** Color **Black/White**  
 AdValue **3129.14**



## FRIM mahu jadikan Malaysia pengeluar gaharu terbesar Asia

**K**UCHING: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) kini berusaha menjadikan negara ini sebagai pusat pengeluar gaharu terbesar di rantau Asia dalam tempoh tujuh tahun akan datang setelah mendapati hasil daripada penanaman pokok karas amat lumayan, sehingga mencecah RM800,000 di kawasan 0.4 hektar.

Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) FRIM Datuk Dr Abdul Rashid Malik, berkata setakat ini tidak ada tanaman lain dilihat mampu memberi pendapatan lumayan dan unik seperti pokok karas yang boleh menghasilkan produk gaharu dan minyak atar.

Beliau berkata, Malaysia merupakan negara ketiga terbesar dunia sebagai pengeluar gaharu selepas India dan Indonesia, tetapi FRIM menjangka negara ini mampu menjadi pusat pengeluar gaharu terbesar di rantau Asia dalam tempoh tujuh tahun akan datang.

Katanya, permintaan dunia terhadap produk gaharu yang berguna dalam penghasilan kosmetik dan perubatan ialah 4.5 juta kilogram dengan nilai RM18.4 bilion setahun.

"Pokok karas mengeluarkan gaharu selepas mencapai usia matang, tujuh

tahun dan setiap batang pokok karas yang matang mampu mengeluarkan gaharu seberat satu hingga satu setengah kilogram, manakala harga sekilogram gaharu ialah dari RM4,000 hingga RM20,000, bergantung kepada gred.

"Sebanyak 800 batang pokok karas mampu ditanam untuk setiap 0.4 hek-

tar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar penanaman karas dan pengeluaran gaharu di sini, semalam.

Ditanya mengenai permintaan pasaran dunia terhadap produk gaharu, beliau memberi jaminan penanam pokok itu tidak akan berdepan dengan masalah itu kerana hanya 35 peratus daripada permintaan dunia di 80 negara pengguna, kini mampu dipenuhi.

Selain itu, Abdul Rashid berkata kelebihan pokok karas ialah boleh ditanam bersama tanaman lain seperti getah dan pisang serta tidak memerlukan penjagaan rapi, kecuali sentiasa memastikannya tidak ditenggelami air.

Sehubungan itu, katanya penduduk di negeri ini terutama golongan pekebun kecil, hendaklah merebut peluang itu bagi menambah pendapatan masing-masing.

"Kira-kira 1,200 hektar pokok karas akan ditanam di seluruh negara, dalam masa terdekat.

"FRIM akan memantau setiap peserta yang berdaftar dengan Persatuan Gaharu Malaysia (PGM) dan Jabatan Perhutanan bagi memastikan tanaman pokok karas yang diusahakan berjaya mengeluarkan hasil maksimum," katanya.

### FAKTA NOMBOR

**RM800,000**

hasil

Bagi setiap 0.4 hektar pokok karas

**4.5 juta**

kilogram

Jumlah permintaan dunia bagi sektor perubatan, kosmetik

**RM20,000**

sekilogram

Harga gaharu bagi gred tertinggi